



## TALKING POINTS

### SEMPENA TINJAUAN YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN KE LOKASI KIOS USAHAWAN ANAK MUDA KOTA KUALA LUMPUR

27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)  
JAM 6.00 PETANG

**LOKASI: CORRIDOR STREET FOOD CENTRE, TAMAN MELATI, KUALA LUMPUR**

**TAPAK DIURUSKAN OLEH: PERSATUAN USAHAWAN FOOD TRUCK PARK KUALA LUMPUR DAN SELANGOR**

#### **USAHAWAN MUDA KOTA (UMK) WILAYAH PERSEKUTUAN**

1. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) amat prihatin terhadap isu kemiskinan bandar yang berlaku di kalangan warga Wilayah Persekutuan. Isu ini semakin kritikal apabila negara dilanda pandemik COVID-19. Rentetan itu, semakin ramai warga Wilayah Persekutuan yang terkesan sama ada dari segi kehilangan pekerjaan atau pendapatan, pengurangan pendapatan dan peningkatan kos kehidupan akibat Perintah Kawalan Pergerakan. Susulan itu juga, KWP telah melaksanakan Inisiatif Wilayah Cakna melalui Inisiatif Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin sebagai usaha segera untuk membantu rakyat yang terkesan. KWP turut merangka pelan perancangan jangka masa panjang dan komprehensif bagi membantu menyediakan peluang kepada golongan miskin bandar khususnya golongan belia untuk menceburi bidang keusahawan bagi menjana pendapatan.
2. Sehubungan itu, KWP dengan kerjasama agensi termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Putrajaya telah memperkenalkan Program Usahawan Anak Muda Kota (UMK) dengan memberi peluang kepada peniaga dan memperbanyakkan kawasan perniagaan di lokasi tumpuan ramai di pusat bandar Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan kadar sewa yang lebih murah. Usahawan diberi pilihan untuk memilih pelbagai pilihan lokasi tumpuan untuk berniaga termasuklah di kawasan River of Life (RoL), pusat bandar, berhampiran perhentian bas dan teksi serta di pusat membeli-belah Berjaya Times Square. Jenis perniagaan yang dijalankan seperti *food and beverages*, perniagaan bergerak, *mini convenience store* dan cenderahati atau perkhidmatan. Sebanyak 1,122 kiosk dan ruang niaga disasarkan pada tahun 2020 sehingga tahun 2023.

3. Dari segi pemilihan usahawan, sebuah portal iaitu <https://usahawanwp.kwp.gov.my/> telah dibangunkan bagi membolehkan usahawan mendaftar untuk menyertai program ini. Sehingga 27 September 2021, seramai 2,149 orang calon telah mendaftar. Di samping itu, Kementerian Wilayah Persekutuan memberi kemudahan sama ada dalam bentuk pemberian lesen perniagaan, pembiayaan perniagaan, pemasaran produk dan khidmat nasihat perniagaan serta latihan peningkatan dalam bidang keusahawanan.
4. Sehingga kini, seramai 126 orang usahawan telah memulakan operasi kios-kios dan ruang niaga di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

### **CORRIDOR STREET FOOD CENTRE, TAMAN MELATI KUALA LUMPUR**

5. Tapak Corridor Street Food Centre terletak di Lot 29365, Mukim 07 Setapak, Taman Melati, Kuala Lumpur merupakan salah satu lokasi Usahawan Anak Muda Kota yang dioperasikan oleh Persatuan Usahawan Food Truck Park Kuala Lumpur dan Selangor dan disokong sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Penganjur menyasarkan untuk menyediakan 17 lot ruang niaga untuk usahawan-usahawan muda peringkat *start up* beroperasi.
6. Persatuan Usahawan Food Truck Park Kuala Lumpur berhasrat untuk melahirkan lebih ramai usahawan *food truck* di kalangan golongan belia pada masa hadapan. Justeru itu, perancangan yang sistematik untuk mencapai hasrat tersebut telah dirangka oleh persatuan ini bagi membolehkan usahawan yang berniaga di tapak ini bersedia menjadi usahawan yang berwibawa melalui konsep inkubator. Usahawan yang berniaga di tapak ini akan diberi tempoh selama 18 bulan untuk mengumpul dana bagi membiayai pembelian food truck masing-masing. Selepas tempoh tersebut, usahawan sedia ada ini akan mula berniaga dengan menggunakan *food truck* mereka di Kuala Lumpur. KWP juga boleh mempertimbangkan bantuan deposit perniagaan bergerak untuk membantu usahawan ini membiayai *food truck* tertakluk kepada garis panduan dan syarat pemberian bantuan yang berkuatkuasa. Selanjutnya, usahawan muda yang baharu akan dipilih bagi mengisi ruang niaga/ kios yang telah dikosongkan melalui sistem yang sama berdasarkan konsep inkubator.
7. Pembukaan operasi perniagaan di lokasi ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk membuka semula serta merancakkan sektor ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Dengan mengaplikasi persekitaran tapak niaga ini dengan konsep hipster, lokasi ini dijangka akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat yang tinggal di kejiranan berdekatan terutamanya di kalangan golongan muda yang sentiasa tertarik dengan konsep *trendy* pada masa kini.

8. Sehingga kini, sebanyak **15 ruang niaga** telah beroperasi melibatkan pelbagai jenis kios dengan juadah makanan seperti pelbagai pasta, shellout, ikan bakar, ayam penyet, ayam gunting, laksa, kuih muih, pelbagai aneka minuman dan lain-lain juadah makanan popular. Sebahagian usahawan yang berniaga di tapak ini turut mengikuti Kursus *Menu Engineering* yang telah dilaksanakan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dengan anjuran secara bersama di antara KWP dan Kementerian Belia dan Sukan pada 3 hingga 4 Julai 2021 yang lalu. Objektif kursus ini adalah untuk membantu memaksimumkan keuntungan yang diperolehi oleh usahawan melalui penyediaan menu yang efektif dan kreatif, dengan mengambil kira aspek psikologi pelanggan.

## **PERANCANGAN MASA HADAPAN**

9. Persatuan Usahawan Food Truck Park Kuala Lumpur bercadang untuk memberikan pengurangan sewaan kios di kala negara masih dalam fasa Pelan Pemulihan Negara sebagai inisiatif untuk mengurangkan beban penyediaan modal dan kos bagi perbelanjaan bulanan kepada usahawan muda yang beroperasi di tapak ini.
10. Di samping itu, DBKL turut merancang untuk mengadakan Program Pementoran Usahawan bagi semua usahawan anak muda kota yang terpilih termasuk di kalangan usahawan yang berniaga di tapak ini. Bagi bergerak ke hadapan, beberapa langkah perlu dikenal pasti untuk meningkatkan lagi kadar pendigitalan perniagaan bagi memastikan usahawan anak muda kota dapat beroperasi dengan mampan.

## **HARAPAN**

11. KWP dengan kerjasama DBKL sentiasa berusaha untuk memberi peluang kepada golongan belia khususnya di kalangan B40 yang berpotensi menjadi usahawan diberi peluang untuk menceburi bidang keusahawanan melalui Program Usahawan Anak Muda Kota. Pelaksanaan program yang teratur dan berkesan seumpama ini dijangka berupaya memberikan impak yang positif dalam usaha menangani masalah kemiskinan di kalangan golongan rentan serta kumpulan yang terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak tahun 2020.